

LATEST NEWS

School of Psychology and Social Work

AN OWL DROPS BY SPKS



Time to Learn English
Domesticated animals or pets are commonly referred to as 'he' or 'she' in the English language. Wild animals usually take 'it'. Cicun is cared for as a pet.

"Cicun,
He Connects Us All"
-MAZNI MUSTAPHA

"CICUN CONNECT ALL OF US" itulah perkataan yang dikeluarkan oleh salah seorang staff SPKS iaitu Cik Mazni Mustapha membuatkan ketua editor teruja untuk mengetahui siapakah CICUN? Cicun merupakan burung peliharaan warga SPKS dan merupakan maskot bagi SPKS. Si comel Cicun telah dijumpai oleh Pn

Noorma dan anaknya di perkarangan UMS. Pada masa itu, seluruh warga akademik SPKS telah menjalankan Retret Penulisan Buku di bilik mesyuarat. Penemuan Cicun telah dihebahkan di media sosial (whatapps) oleh Pn Noorma bagi mencari penjaga untuk burung berkenaan. "Pada mulanya saya hanya ingin melihat kecomelan si Cicun dan tidak bercadang untuk membawanya balik ke SPKS. Renungan matanya yang comel membuat hati saya tersentuh untuk mencari orang yang boleh menjaganya"

(Dr. Getrude) . "Saya dan Dr. Getrude telah berusaha untuk mencari sarangnya di atas pokok dan bercadang untuk meletakkannya di sarangnya kerana beranggapan bahawa dia mungkin terjatuh tanpa disedari oleh ibunya."

(Dr. Peter). Kehadiran Cicun telah memberikan impaks yang amat besar kepada seluruh warga akademik SPKS yang pada masa itu telah terlibat dalam retret berkenaan. Dalam kesibukkan mencari maklumat berkaitan dengan penulisan, semua staff juga tidak terlepas mencari fakta berkaitan dengan Cicun.

"Kami telah mencari fakta berkaitan dengan Cicun melalui google walaupun pada masa itu kami berhempas pulas menyiapkan penulisan buku...semua menjalankan peranan masing-masing untuk memberikan kebajikan kepada Cicun.."

(Cik Agnis & Cik Patricia). Keprihatinan serta perasaan sayang kepada binatang telah membuatkan dua orang staff akademik bersatu hati untuk memelihara si Cicun di SPKS melalui sedikit pengalaman oleh salah seorang daripada mereka. "Saya terkejut dengan kehadiran Cicun di bilik mesyuarat pada masa itu dan teruja dengan kecomelannya yang seperti bola kapas dan memiliki mata yang sangat besar..perwatakan manja dan juga lucu yang sering dilakukan oleh Cicun mencuit hati saya.."

(Wanda) "Saya ingin menjaganya kerana renungan matanya seolah-olah memanggil saya untuk tidak membiarkannya dalam bahaya" **(Dr Getrude)**

Sesungguhnya, kehadiran si comel Cicun mencetuskan fenomena "BERSATU HATI" dalam kalangan staff SPKS yang telah berusaha mencari fakta dan penjagaan berkaitan dengan burung yang comel ini.



Kehadirannya sangat bermakna



Bilik Mesyuarat pencetus segalanya



Dr. Getrude yang penyayang



Dr. Peter yang prihatin



Si cekap Patricia